

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 March 2016

## Kerajaan terus laksana pelbagai langkah perkukuh ekonomi

um - 15/3/2016

**KUALA LUMPUR 14 Mac** - Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai langkah untuk memperkukuhkan daya tahan ekonomi, selain meletakkan negara secara inklusif dan dalam laluan mapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara ini tumbuh sebanyak 47.7 peratus di antara tahun 2009 hingga 2014, manakala 1.8 juta peluang kerja diwujudkan sejak 2010 dan pelaburan swasta pula berkembang tiga kali ganda.

"Kita adalah sama seperti negara lain. Paling tidak pun dalam ekonomi dan tidak perlu lupa bagaimana Malaysia melaluinya selama ini.

"Saya juga yakin bahawa pembangunan-pembangunan baharu di

Kuala Lumpur dan Malaysia akan terus berkembang sebagaimana asas ekonomi yang kukuh," katanya semasa berucap dalam majlis pelancaran '8Kia Peng@KLCC' di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Pengerusi Eksekutif i-Bhd, Tan Sri Lim Kim Hong.

Tambah Najib, syarikat-syarikat swasta boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan kemudahan di Kuala Lumpur agar lebih menarik untuk dikunjungi dan dihuni oleh seluruh masyarakat dunia.

Beliau berkata, kemudahan-kemudahan cemerlang yang dibangunkan di sini yang menarik perhatian masyarakat dunia adalah

seperti kediaman, infrastruktur dan perubatan.

"Malaysia sudah menuju ke arah itu seperti mana yang diiktiraf oleh syarikat kumpulan hartanah antarabangsa, Knight Frank yang meletakkan Kuala Lumpur dalam senarai lima bandar raya dunia yang harus dilihat pada akhir tahun lalu," ujarnya.

Kata Perdana Menteri, kerajaan percaya sektor swasta memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan di Malaysia.

Sehubungan itu jelas beliau, kerajaan akan sentiasa menjadi penyedia kemudahan kepada masyarakat.

"Tetapi kita juga harus bekerja sebagai fasilitator, pemudah cara kepada sektor swasta" ujarnya.